

MODUL PENINGKATAN PRESTASI SPM 2026 EKONOMI

KERTAS 2
Julai

3767/2

2¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Untuk Kegunaan Guru			
Guru:			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak termasuk muka hadapan

BAHAGIAN A

[60 Markah]

Jawab semua soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Gambar di bawah merupakan sumber ekonomi.



Gambar 1



Gambar 2

Bezakan kedua-dua sumber ekonomi tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (b) Bersetujukah anda kerajaan sebagai pembuat keputusan dalam ekonomi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]



- (c) Dengan bantuan gambar rajah, jelaskan konsep pengembangan dan penguncupan permintaan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan harga emas.

Simpanan emas semakin relevan dalam ketidaktentuan ekonomi.

KUALA LUMPUR: Permintaan terhadap emas yang terus meningkat di peringkat global, selain bekalan yang terhad, menjadikan asset ini kekal relevan sebagai salah satu strategi kepelbagaian kewangan.

Dalam jangka Panjang, harga emas juga menunjukkan trend peningkatan , sekaligus menjadikannya pilihan bagi mereka yang ingin memelihara nilai emas. Pada masa yang sama, emas sering dilihat sebagai perlindungan terhadap inflasi kerana nilainya yang lebih tahan berbanding mata wang.

Sumber: Diubah suai daripada www.astroawani.com.my, 17 April 2026.

Terangkan dua penentu keanjalan permintaan bagi barang tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (a) Gambar dibawah menunjukkan iklan kereta yang dijual oleh Syarikat Merbok Mewah Sdn Bhd

Tunai : RM 78 900
Ansuran: RM 800 sebulan



Gambar 3

Jelaskan fungsi wang berdasarkan gambar tersebut

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Perbankan Islam merupakan sistem kewangan yang berprinsip dan amalan berdasarkan hukum syariah.
 Terangkan prinsip tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Jadual 1 berkaitan pengeluaran sesebuah firma.

Mesin	Buruh	Jumlah Keluaran	Keluaran Purata	Keluaran Marginal
1	0	0	-	-
1	1	10	10	10
1	2	22	11	X
1	3	33	11	11
1	4	42	10.5	9
1	5	47	9.4	5
1	6	49	8.17	2
1	7	49	Y	0
1	8	46	5.75	-3

(i) (a) Berapa nilai X dan Y

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Mengapakah bilangan buruh 3 hingga 7 merupakan tahap pengeluaran paling cekap?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(ii) Tentukan jangka masa pengeluaran di (i)

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]



(d) Maklumat berikut berkaitan projek kerajaan.

Kedah Rubber City (KRC) ialah taman perindustrian getah pertama di Malaysia yang terletak di Padang Terap, Kedah. Projek seluas 1,244 ekar ini merupakan projek nasional strategik di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)

Jelaskan faedah sosial projek tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 (a) Kerajaan mengawal selia beberapa industri seperti bekalan air dan elektrik kerana industri tersebut merupakan monopoli semula jadi.

Mengapakah kerajaan perlu campur tangan dalam industri tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Gambar berikut merupakan satu projek yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia.



Jelaskan perbelanjaan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan di sebuah negara.

Perdagangan Malaysia dengan ASEAN mencatatkan peningkatan 1.7 peratus kepada RM709.08 bilion untuk tempoh Januari hingga November 2025. Eksport negara meningkat 4.8 peratus selepas disokong oleh permintaan untuk barangan elektronik dan elektronik (E&E), jentera kelengkapan dan peralatan serta barangan optik dan saintifik.

Sumber diubah suai daripada:bernama.com / 21 Januari 2026

- (i) Nyatakan komposisi dagangan bagi barangan tersebut.

.....

[1 markah]

- (ii) Bagaimanakah peningkatan tersebut dapat mempengaruhi kestabilan ekonomi Malaysia?

.....

[4 markah]



- (d) Seorang pengimport di Malaysia membeli barangan dari Amerika Syarikat bernilai **USD1 000** pada 13 Januari 2026 dan membuat bayaran pada 27 Januari 2026. Kadar pertukaran adalah seperti berikut:

Tarikh	Kadar pertukaran asing
13 Jan 2026	1USD = 4.0575
27 Jan 2026	1USD = 3.9700

Sumber daripada: www.bnm.gov.my

- (i) Berapakah Ringgit Malaysia yang perlu oleh pengimport untuk membeli mesin tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Terangkan faktor yang mempengaruhi perubahan kadar pertukaran tersebut

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan di bahagian ini

- 4 Maklumat berikut merupakan satu dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.



- (a) Mengapakah kerajaan meletakkan syarat tersebut?

[4 markah]

- (b) Dengan menggunakan rajah, jelaskan kesan syarat tersebut ke atas permintaan kenderaan elektrik (EV)

[7 markah]

- (c) Firma kenderaan elektrik (EV) tempatan mendapat manfaat daripada syarat tersebut. Bincangkan

[9 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan dengan harga semasa petrol dan diesel di Malaysia.

Maklumat 1



Maklumat 2

- **Memanfaatkan Subsidi Petrol Bersasar (BUDI95):** Warganegara Malaysia yang mempunyai lesen memandu aktif boleh membeli petrol **RON95** pada harga bersubsidi **RM1.99 seliter** dengan menggunakan MyKad, yang jauh lebih rendah berbanding harga pasaran tanpa subsidi. Ini membantu mengurangkan beban kos pengangkutan harian isi rumah.
- **Memohon Bantuan BUDI Diesel:** Bagi pemilik kenderaan diesel individu yang layak, mereka perlu memohon bantuan tunai bulanan **BUDI Individu** (sebanyak RM200 ke RM300 sebulan) untuk menampung kenaikan kos bahan api.

- (a) Bagaimana bantuan Kerajaan dalam maklumat 1 dan 2 dapat membantu meringankan beban masyarakat . [4 markah]
- (b) Dengan bantuan rajah ,jelaskan kesan maklumat 1 terhadap pasaran barang . [7 markah]
- (c) Maklumat 2 membuktikan satu peranan kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat.
Berikan ulasan anda. [9 markah]



- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi pengurusan kewangan dalam kalangan Masyarakat.

Hanya 58 peratus rakyat Malaysia aktif buat simpanan untuk masa depan - BNM

Kuala Lumpur : Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Adnan Zaylani Mohamad Zahid berkata hanya 58 peratus rakyat Malaysia yang aktif membuat simpanan untuk masa depan, manakala sebahagian besar masih tidak mampu berdepan kecemasan kewangan bernilai RM1,000.

Beliau menegaskan perkembangan ini memberi amaran jelas bahawa pengetahuan sahaja tidak memadai, tetapi ia perlu diterjemahkan kepada tindakan, keyakinan dan daya tahan.

Cabaran lain yang turut disentuh beliau termasuk pendigitalan yang mengubah cara masyarakat menguruskan wang mereka, apabila transaksi urus niasa menjadi lebih pantas, mudah dan seolah-olah lebih berpatutan, daripada e-dompet hingga skim Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL).

"Namun, kemudahan ini hadir bersama risiko. Kajian sama mendapati 31 peratus rakyat Malaysia berbelanja secara semberono dalam talian, manakala kes penipuan semakin meningkat.

Dipetik dan diubahsuai dari [BERNAMA](#) - Oktober 2, 2025

- (a) Jelaskan kaedah pembayaran yang dinyatakan dalam petikan di atas [4 markah]
- (b) Bagaimana individu dapat meningkatkan jumlah simpanan mereka ? [7 markah]
- (c) Penggunaan skim "Beli Sekarang Bayar Kemudian" (BNPL) semakin menjadi pilihan pengguna pada masa kini.

Setujukah anda dengan pilihan tersebut. [9 markah]

- 7 Maklumat berikut berkaitan kerjasama Malaysia dengan syarikat multinasional.

Maklumat 1

Kerjasama Malaysia-ARM Dijangka Beri Pulangan Pelaburan Dalam Masa 10 Tahun

Kerjasama antara Malaysia dan Syarikat teknologi global ARM Ltd. dijangka memberi pulangan pelaburan (ROI) tempoh 10 tahun, kata Kementerian Ekonomi. ROI ini membantu peningkatan nilai eksport produk elektrik dan elektronik kepada RM865.9 Billion pada 2030 berbanding RM601.2 bilion pada 2024.

Maklumat 2



- (a) Berdasarkan Maklumat 1, mengapakah syarikat tersebut menjalinkan kerjasama dengan Malaysia. [7 markah]
- (b) Inisiatif dalam Maklumat 2 memberi kesan kepada guna tenaga negara.
Bincangkan [9 markah]
- (c) Jelaskan implikasi ke atas imbalan perdagangan apabila maklumat 1 dan maklumat 2 dilaksanakan. [4 markah]

RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN BAHAGIAN B

[illegible]



